

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT (BETONG)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan yang pengedaran dadah diluar bandar dapat dibendung dan nyatakan jumlah kes tangkapan bagi Bahagian Betong Sarawak bagi tahun 2018 hingga sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melalui PDRM sentiasa komited dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar. PDRM sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha membendung masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kawasan luar bandar melalui langkah-langkah seperti berikut :-

- i) Bekerjasama dengan masyarakat melalui perkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisan Masyarakat (*Community Policing*). Melalui program ini, platform “*One Stop Committee*” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera;

- ii) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKKK dan masyarakat dalam perkongsian maklumat serta operasi bersama;
- iii) Menjalankan “Operasi Sarang” selepas mengenalpasti sarang-sarang penagih dan juga pengedar-pengedar dadah di kawasan luar bandar bagi membanteras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah;
- iv) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985; dan
- v) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat terutamanya di luar bandar bagi memberi pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya dadah.

Jumlah keseluruhan kes dan tangkapan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 di Bahagian Betong Sarawak bagi tahun 2018 adalah sebanyak **153 kes** dengan **166 tangkapan**. Manakala bagi bulan Januari hingga Mei 2019 sebanyak **97 kes** dengan **106 tangkapan** di bawah akta yang sama. PDRM akan terus memantau dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan dalam usaha membasmi masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat di Bahagian Betong Sarawak.